

ROS Tiada Masalah Untuk Luluskan Penubuhan Parti Politik Baharu – Zahid Hamidi

By admin

August 03, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri, memberi jaminan bahawa pihaknya tidak mempunyai sebarang masalah sekiranya untuk meluluskan sebarang pendaftaran parti politik yang baharu di negara ini.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, "Jika ada parti baharu yang mahu diwujudkan, saya sebagai Menteri Dalam Negeri akan meluluskannya kerana kita sebuah negara yang mengamalkan demokrasi," kelulusan akan diberi sekiranya ia memenuhi syarat yang ditetapkan.

Zahid Hamidi yang juga Naib Presiden UMNO menarik perhatian apabila beliau berkata optimis penubuhan parti politik baharu tidak akan mampu menarik penyertaan anggota BN dan UMNO.

"Sejarah telah membuktikan banyak parti yang ditubuhkan sejak 1951, namun tidak mampu bertahan lama.

"Silalah buat parti baharu. Ahli UMNO dan BN tetap utuh dalam parti sebagai sebuah pasukan, biarkan parti serpihan datang dan pergi, tetapi UMNO tetap utuh," katanya ketika berucap pada majlis kesyukuran dan jamuan Hari Raya Aidilfitri UMNO/Barisan Nasional (BN) negeri Perak di sini.

Pada 14 Julai lalu, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa beliau berhasrat menubuhkan parti baharu yang akan menjadi sebahagian komponen pakatan pembangkang bagi menghadapi BN dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Sementara itu, Zahid Hamidi mengingatkan ahli UMNO supaya tidak terus terbuai dengan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam dua pilihan raya kecil dan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak baru-baru ini.

Kemenangan besar BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar Jun lalu bukan jaminan akan berterusan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Justeru itu “Ketepikan rasa teruja ini, walaupun seronok kerana menempa kejayaan tetapi untuk mempertahankannya lebih sukar,”

Zahid Hamidi berkata, kemenangan besar BN tidak akan dapat dicapai tanpa menentukan strategi yang betul.

Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/08/03/ros-tiada-masalah-untuk-luluskan-penubuhan-parti-politik-baharu-zahid-hamidi/>